

15 JAN 1996

Keating - Lawatan (Bergambar)

KEATING TIBA UNTUK LAWATAN RASMI DUA HARI

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Australia Paul Keating tiba di sini untuk lawatan rasmi dua hari, lawatan pertama beliau ke Malaysia untuk mengeratkan hubungan dua hala.

Lawatan Keating dianggap sungguh bermakna dalam konteks hubungan Malaysia-Australia terutama selepas hubungan kedua-dua negara renggang pada 1993 apabila pemimpin Australia itu menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai keras kepala kerana tidak menghadiri mesyuarat tidak rasmi pemimpin-pemimpin negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang pertama di Seattle.

Perdana Menteri Australia itu, yang diiringi oleh isterinya, Annita, delegasi 10 anggota dan sekumpulan peniaga akan menemui Dr Mahathir esok untuk kali keempat sejak beliau membuat anggapan itu.

Kedua-dua Perdana Menteri itu telah bertemu dalam tiga majlis selepas hubungan renggang itu -- di Bogor (Indonesia) pada 1994 semasa mesyuarat Apec kedua, Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Auckland (New Zealand) dan mesyuarat Apec yang ketiga di Osaka pada tahun lepas.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang disambut oleh Pemangku Menteri Luar Datuk Abu Hassan Omar dan Pesuruhjaya Tinggi Australia John Dauth. Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Kerk Choo Ting ialah Menteri Pengiring.

Keating kemudian dibawa ke Dataran Parlimen untuk upacara sambutan rasmi.

Perdana Menteri Australia itu seterusnya akan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negeri Sembilan.

Pada sebelah malam, Keating dan rombongan akan menghadiri majlis jamuan yang dianjurkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seri Perdana.

Esok, Keating akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri dan selepas itu kedua-dua pemimpin berkenaan akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian dan Memorandum Persefahaman antara sektor swasta kedua-dua negara.

Beliau juga akan menyampaikan ucapan dasar pada forum Perniagaan Malaysia-Australia di Hotel Istana.

Keating kemudian akan menerima kunjungan hormat Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Tun Daim Zainuddin.

Satu program berasingan telah diatur bagi Annita. Beliau akan menemui pasukan bedah dan pesakit-pesakit projek cacakan koklear di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Keating akan berlepas ke Singapura pada Rabu.

Perdagangan dua hala tumbuh lebih 20 peratus pada tahun 1994-95 dengan mencatatkan A\$3,500 juta (RM6,650 juta).

Keating, 51, dilantik sebagai pemimpin Parti Buruh Australia dan Perdana Menteri pada 19 Dis, 1991.

Pemimpin Australia terakhir melawat Malaysia ialah bekas Perdana Menteri Bob Hawke pada Februari 1984. -- Bernama.